

ورتا قنرغن

Warta Penerangan



MEI 2020



مفكرنكلن اقليكاسي موده اليه جابتن قنرغن

Memperkenalkan

Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan


- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
2. Rimba Point, Tasek Rimba
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
4. Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
5. Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
6. Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
7. Pusat Kesihatan Muara
8. Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
9. Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
10. Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
11. Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
12. Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
13. Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
14. Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
15. Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
16. Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
17. Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
18. Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
19. Stesen Minyak BADAN TANMAH Kg. Kuala Lurah
20. Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
21. Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
22. Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
23. Stesen Minyak MABOHAI Jln Kebangsaan
24. Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
25. Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
26. Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
27. Stesen Minyak DYG MASNI Pekan Muara
28. Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
29. Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
30. Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
31. Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
32. Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Petani Mall
3. Hospital PMPMHAMB
4. Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
5. Pusat Kesihatan Lamunin
6. Pusat Kesihatan Telisai
7. Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
8. Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
9. Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
10. Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
2. Pusat Kegiatan Warga Emas
3. Plaza Seria
4. Hospital Suri Seri Begawan
5. Pusat Kesihatan Sungai Liang
6. Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
7. Stesen Minyak ROXANA Seria
8. Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
9. Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

1. Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
2. Terminal Perahu Tambang
3. Kompleks Utama Bumiputra
4. Hospital PIHM
5. Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



Jika naskhah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun **InfoDeptBN**.





Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan	Muka
Sekapur Sirih Pemangku Pengarah Penerangan	5
Sekapur Sirih Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan	6
Doa Memulakan Tugas	7
Majlis Khatam Al-Quran	8-9
Aplikasi mudah alih "We ASEAN"	10-11
Program Ramadan Penerangan	12-14
Selera Kampung Kitani	15
Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong	16-18
Kaedah KKC bantu tingkatkan kualiti perkhidmatan permohonan gambar negatif filem	18-20
Tiga tahun Aplikasi InfoDeptBN	20
Sistem Pengurusan Kakitangan Kerajaan Government Employee Management System (GEMS)	21
Papan Kenyataan	22

Sekapur Sirih Pemangku Pengarah Penerangan

Sempena Hari Raya Aidilfitri 2020

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem*

*Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala
'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.*

*Segala puji dan syukur ke hadrat Allah seru sekalian alam,
selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi
Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat
Baginda, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda
yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.*

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna pada tahun ini dan menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan selayaknya sekalipun dunia menghadapi wabak COVID-19.

Hari Raya Aidilfitri adalah hari mempererat serta memperkukuh hubungan silaturahim dan hari kegembiraan bagi umat Islam. Sepertimana lazimnya, jabatan ini akan mengadakan sambutan hari raya bagi warga Penerangan dan keluarga. Tidak ketinggalan juga kunjungan raya ke bahagian dan unit-unit yang mana menunjukkan keakraban pegawai dan kakitangan sebagai sebuah keluarga besar di bawah bumbung Jabatan Penerangan. Namun COVID-19 telah menguji kita untuk mengharungi realiti baharu ini di mana kelaziman tersebut tidak dapat dilaksanakan demi untuk mematuhi arahan Kementerian Kesihatan dan mengutamakan keselamatan untuk semua.

Kita perlukan minda yang positif, corak pemikiran yang baharu dan kedayatahan yang tinggi sejajar dengan SOP COVID-19 di mana sebahagian besar projek-projek jabatan turut terkesan seperti program-program kenegaraan dan kemasyarakatan iaitu Semarak Penggibaran Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-74 Tahun 2020 yang mana pada lazimnya akan diadakan di Masjid, Program Sua Muka, Kenali Negara Kitani, Selera Kampung Kitani, Jerayawara ASEAN dan sebagainya yang memerlukan penjarakan sosial



PEMANGKU Pengarah Penerangan,
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

sehinggalah kita dapat mengatasi cabaran penularan COVID-19 dengan sempurna.

Peramba/saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1441H/2020M: *“Di antara tanda-tanda sabar itu, kita sentiasa bersedia untuk mengikut atau mematuhi apa jua peraturan, tidak seperti di setengah tempat, orang melawan peraturan. Beta amat berbangga mempunyai rakyat yang sentiasa menghormati undang-undang dan peraturan, kerana dengan cara ini insyaaAllah, bangsa dan negara kita akan tetap beroleh keselamatan dan keamanan.”*

Akhir kata, peramba/saya di bulan mubarak ini mengambil kesempatan memohon kemaafan zahir dan batin atas apa jua kesalahan dan kesilapan kepada warga Penerangan dan tidak ketinggalan kepada pegawai dan kakitangan jabatan yang bertugas di cawangan-cawangan seluruh negara. Semoga kita semua di dalam keselamatan, kesejahteraan dan perlindungan Allah jua.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**AWANG MAWARDI BIN HAJI MOHAMMAD
PEMANGKU PENGARAH
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Sekapur Sirih Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu
'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,
Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du*

*Segala puji dan syukur ke hadrat Allah seru sekalian
alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi
Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat
Baginda, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda
yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.*

*Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,
Walillahil Hamd*



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan,
Dayang Sastra Sarini bin Haji Julaini*

A lhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita diberi peluang untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri selepas sebulan menahan nafsu, lapar dan dahaga melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan.

Namun yang nyata sekali sambutan pada tahun ini amat berbeza jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang sudah disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 di negara ini amnya dan di seluruh dunia khususnya.

Justeru dalam usaha untuk membendung penularan wabak tersebut di negara ini, perayaan yang lazimnya dimulakan dengan perhimpunan di masjid-masjid, balai-balai ibadat dan surau-surau untuk menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri pada tahun ini hanya boleh dilaksanakan di rumah-rumah. Tradisi kunjung mengunjung juga hanya boleh dilakukan dengan ahli keluarga yang terdekat sahaja, manakala konsep rumah terbuka dan pejabat terbuka (*open office*) tidak dibenarkan.

Walaupun keadaan berbeza dengan norma-norma baharu, apa yang penting ialah menghayati maksud sebenar sambutan Hari Raya Aidilfitri. Amalan-amalan sunat sepanjang bulan Syawal juga masih saja boleh dilaksanakan.

Di kesempatan ini, kaola/saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga Jabatan Penerangan dan memohon maaf jika pernah tersilap kata dan tindak-tanduk dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Marilah kita sama-sama mengambil peluang ini untuk terus memperbaiki diri, meningkatkan amal ibadat untuk keselamatan kita di dunia dan juga di akhirat.

Kaola/saya juga ingin mengambil peluang ini untuk sama-sama mengingatkan agar kita semua akan terus bersabar mengharungi cabaran-cabaran yang timbul akibat COVID-19. Sama-samalah kita meningkatkan aspek kebersihan dan terus mematuhi arahan untuk membendung penularan wabak ini. Semoga wabak ini akan terhapus jua dari negara ini dan seluruh dunia. Amin...Amin..Amin...Ya Rabbal Alamin.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

**DAYANG SASTRA SARINI BINTI HAJI JULAINI
PEMANGKU TIMBALAN PENGARAH
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Doa Memulakan Tugas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا فِيهِ، وَنَعُوذُ بِكَ
 مِنْ شَرِّ هَذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا فِيهِ، اللَّهُمَّ طَهِّرْ قُلُوبَنَا مِنْ
 النِّفَاقِ وَأَعْمَالِنَا مِنَ الرِّيَاءِ وَالسِّنْتَانِ مِنَ الْكُذِبِ
 وَأَعْيُنَنَا مِنَ الْخِيَانَةِ، فَإِنَّكَ تَعْلَمُ خَائِنَةَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي
 الصُّدُورُ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
 وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Ertinya :

Dengan nama Allah Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam, rahmat dan sejahtera semoga dilimpahkan ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad yang semulia-mulia pesuruh-Nya, serta ke atas keluarga dan sekalian para sahabat Baginda. Ya Allah, Ya Tuhan kami! Sesungguhnya kami memohon kepada-Mu kebaikan hari ini dan kebaikan yang ada pada hari ini, dan kami berlindung kepada-Mu daripada keburukan hari ini dan keburukan yang ada pada hari ini.

Ya Allah, Ya Tuhan kami! Sucikanlah hati kami daripada sifat nifaq (munafiq), pekerjaan kami daripada amalan riya', lidah kami daripada berkata bohong dan mata kami daripada berlaku khianat. Maka sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui segala mata-mata yang berlaku khianat dan apa yang disembunyikan oleh dada-dada.

Semoga Allah melimpahkan rahmat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad dan keluarga serta sahabat Baginda sekalian. Segala puji bagi Allah, Tuhan Pentadbir sekalian alam.

Majlis Khatam Al-Quran

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika hadir ke majlis tersebut.

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi pegawai dan kakitangannya di Dewan Setia Negara pada 23 Mei 2020.

Majlis tersebut menandakan tamatnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran sebanyak 30 juzuk oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang diadakan sejak bermulanya bulan

Ramadan tahun ini.

Hadir sama di majlis tersebut Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini berserta pegawai dan kakitangan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibaca secara beramai-ramai yang dikepalai oleh Pengiran Asrul bin Pengiran Haji Abdul Momin yang seterusnya memimpin bacaan Takhtim dan Doa Khatam.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir di majlis tersebut.



SALAH seorang anak yatim ketika menerima sumbangan dari Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



ANTARA pegawai dan kakitangan yang hadir pada majlis tersebut.

Majlis kemudiannya di teruskan dengan bacaan tahlil dan doa arwah yang di pimpin oleh Awang Hisyam bin Haji Idris dan seterusnya diikuti dengan Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan penyampaian derma anak-anak yatim bagi warga Jabatan Penerangan yang di sempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Sekalipun majlis yang diadakan ini semasa negara dilanda oleh wabak COVID-19 namun langkah-langkah keselamatan dan panduan kesihatan yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan tetap dipatuhi dan dilaksanakan seperti langkah-langkah penjarakan, pengambilan suhu badan sebelum memasuki dewan dan penggunaan *hand sanitizer*.



SETIAP pegawai yang hadir perlu menjalani pemeriksaan suhu badan.



PEMBERIAN hand sanitizer kepada salah seorang pegawai sebelum menghadiri majlis tersebut.



PARA pegawai dan kakitangan yang hadir ke majlis tersebut dikehendaki membuat pemeriksaan suhu badan terlebih dahulu sebelum memasuki dewan.



Aplikasi mudah alih “We ASEAN”

Oleh : Unit Penerbitan Melayu
Foto: Ihsan Unit Hal Ehwal Antarabangsa



JABATAN Penerangan selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI (SCI) semasa membuat promosi aplikasi tersebut ke sekolah-sekolah di negara ini.

PENGARUH media sosial dalam menembusi generasi hari ini sangat besar. Akses mudah kepada dunia dalam talian (*online*) menggunakan telefon pintar membantu mempromosi dunia perangkaan tanpa sempadan. Gambar dan video boleh dimuat naik melalui dalam talian dan mudah diakses di seluruh dunia.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa (HEA) selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI (SCI), mengadakan satu projek baharu iaitu “The Development of “We ASEAN” Application on Mobile Phone”.

Aplikasi mudah alih ini menjadi platform untuk mempromosikan maklumat mengenai ASEAN dengan lebih meluas terutamanya untuk mengiktiraf kepentingan media sosial dalam menyebarkan maklumat seperti pengetahuan asas mengenai negara-negara anggota ASEAN, bahasa, aspek geografi dan juga kepelbagaian serta perbezaan budaya di rantau ini.

APLIKASI We ASEAN merupakan salah satu langkah untuk mendekatkan masyarakatnya dalam mendapatkan maklumat terkini mengenai ASEAN.



Semua negara anggota ASEAN iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, dan Viet Nam turut sama menjayakan projek ini.

Aplikasi mudah alih “We ASEAN” berfungsi sebagai pusat tumpuan dalam bidang aplikasi teknologi yang memberikan maklumat mengenai ASEAN dan 10 negara-negara anggota ASEAN. Maklumat ini adalah pelbagai dan tidak terhad kepada bahasa, ekonomi, kebudayaan dan masyarakat sahaja. Ianya juga merangkumi sejarah, berita dan statistik.

Aplikasi mudah alih juga bertujuan untuk mempromosi kesedaran, pengetahuan dan pemahaman mengenai program-program di bawah ASEAN dan menggalakkan penyertaan dari kerajaan dan swasta dalam menghasilkan pengeluaran media baharu di dalam talian (*new media output online*).



ASEAN dianggotai oleh sepuluh buah negara dan Negara Brunei Darussalam menjadi anggota ke-6 pertubuhan tersebut sejak 7 Januari 1984.

Aplikasi mudah alih ini juga membolehkan agensi di negara-negara anggota ASEAN untuk menghasilkan penyertaan yang aktif seperti memuatnaik *online* gambar dan video mengenai ASEAN.

Adalah menjadi harapan projek ini dapat mempromosikan secara

aktif bahan-bahan ASEAN melalui visual atau gambar di laman sosial untuk meningkatkan kesedaran mengenai ASEAN kepada 314 juta rakyat ASEAN serta memastikan perbezaan budaya antara negara-negara anggota ASEAN dapat dikongsi dan didedahkan dalam komuniti ASEAN melalui pertukaran budaya.



SEBAHAGIAN daripada pelajar ketika hadir semasa aplikasi tersebut dipromosikan di sekolah-sekolah.

Program Ramadan Penerangan

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



PEGAWAI Luar Penerangan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh semasa menyampaikan sumbangan kepada salah seorang anak yatim.



SALAH seorang anak yatim ketika menerima sumbangan pada majlis tersebut.

JABATAN Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Sempena menyambut bulan Ramadan dan menjelang bulan Syawal, Jabatan Penerangan menerusi ibu pejabat dan tiga cawangan daerah telah mengadakan majlis penyerahan derma kepada anak-anak yatim dalam Program Ramadan Penerangan pada 21 Mei 2020.

Bagi Daerah Brunei, sumbangan disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Perpindahan Berakas, Awang Haji Omar Ali bin Haji Md. Daud bersama wakil dari Jabatan Penerangan kepada 14 orang penerima.



PEMANGKU Ketua Kampung Jaya Setia dan Kampung Jaya Bakti, dan Kampung Burong Pingai Perpindahan Berakas, Awang Haji Omar Ali bin Haji Md. Daud semasa menyampaikan sumbangan.



PEMANGKU Ketua Kampung Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Perpindahan Berakas, Awang Haji Omar Ali bin Haji Md. Daud semasa menyampaikan sumbangan kepada para penerima.





PEMANGKU Ketua Kampung Jaya Setia, Kampung Jaya Bakti dan Kampung Burong Pingai Perpindahan Berakas, Awang Haji Omar Ali bin Haji Md. Daud bersama wakil dari Jabatan Penerangan semasa hadir pada majlis tersebut.

Majlis berlangsung di rumah Awang Haji Omar Ali dan turut dihadiri oleh beberapa orang ahli Majlis Perundingan Kampung dan pegawai dari Jabatan Penerangan.

Di Daerah Tutong, program yang sama telah disempurnakan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadilah Akhbar bin Pengiran Haji Sallehuddin kepada Ketua Kampung Telisai untuk 18 orang anak yatim.

Manakala bagi Daerah Temburong majlis disempurnakan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Ah Chua bin Bangau kepada tiga orang anak yatim iaitu seorang di Kampung Senukoh dan dua orang dari Kampung Labu Estate.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Ahmad Fadilah Akhbar bin Pengiran Haji Sallehuddin menyerahkan sumbangan kepada Ketua Kampung Telisai untuk diagihkan kepada penerima.



PEMANGKU Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Ah Chua bin Bangau ketika menyerahkan sumbangan kepada penerima.



KETUA Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin ketika menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.



SALAH seorang anak yatim menerima sumbangan dari Program Ramadan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Kampung Senukoh.



SALAH seorang anak yatim di Daerah Belait ketika menerima sumbangan sempena Program Ramadan Penerangan.

Sementara di Daerah Belait sumbangan disempurnakan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Liyana binti Haji Suhaimi kepada 10 orang anak yatim dari Kampung Labi I dan Labi II.



SEBAHAGIAN dari anak yatim yang menerima sumbangan derma dalam Program Ramadan Penerangan di Daerah Belait.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Liyana binti Haji Suhaimi semasa menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.

Selera Kampung Kitani

Foto oleh: Haji Ariffin Mohd.Noor/Morshidi

Kampung Kota Batu



Nasi Kuning:

3 cawan beras
Santan secukupnya
Garam secukupnya
Serbuk kunyit / kunyit hidup

Daging Rendang:

Daging
Bawang putih (secukupnya)
Bawang merah (secukupnya)
Jintan putih (secukupnya) (ditumbuk)
Jintan manis (secukupnya)
Ketumbar (secukupnya)
Lengkuas (secukupnya)
Kerisik
1/2 sudu garam
Sedikit minyak
Kicap
Air asam jawa (secukupnya)

Cara Membuatnya:

Nasi Kuning:

Masukkan santan ke dalam beras, tambah garam dan kunyit gaulkan sebati dan bolehlah dimasak.

Daging Rendang:

Masukkan sedikit minyak dan tumiskan kesemua bahan yang ditumbuk. Masukkan jintan manis, ketumbar, lengkuas dan kerisik. Gaul rata. Kemudian masukkan daging, air asam jawa, kicap juga sedikit air, gaul rata dan biarkan daging tersebut masak hingga empuk.

Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

CAWANGAN Penerangan Daerah Temburong merupakan salah satu cawangan Jabatan Penerangan yang diletakkan di daerah-daerah di negara ini.

Tahukah awda Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong telah wujud sejak tahun 1957 dengan mengalami berbagai perubahan dan perkembangan dari masa ke semasa.

Pada masa ini Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong terletak di Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong sejak tahun 1988 dan kini diketuai oleh Ah Chua bin Bangau selaku Pemangku Penolong Pegawai Penerangan.

Sejarah Perkembangan:

Jabatan Penerangan (Perkhidmatan Penerangan Brunei) di Daerah Temburong bermula pada tahun 1957, iaitu bermula dengan menubuhkan sebuah bilik bacaan dengan menggunakan ruangan di bangunan kedai Pekan Bangar.

Fungsi bilik bacaan tersebut antaranya adalah menyediakan bahan media cetak seperti akbar rasmi kerajaan (Pelita Brunei) serta buku-buku yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan sebagai bahan bacaan orang ramai.



CAWANGAN Jabatan Penerangan Daerah Temburong terletak di Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong, di Pekan Bangar.

Manakala pada tahun 1982 Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong telah ditempatkan di sebuah bangunan yang dulunya digunakan oleh Jabatan Pelajaran sebagai sebuah sekolah.

Dengan terbinanya jambatan penghubung antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong secara langsung memberi kemudahan kepada rakyat dan penduduk di negara ini melaksanakan berbagai aktiviti harian termasuk pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di daerah ini untuk memudahkan berurusan ke ibu pejabat.



PEMANGKU Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Ah Chua bin Bangau.



SALAH seorang kakitangan Cawangan Penerangan Daerah Temburong ketika melaksanakan tugas harian.



ANTARA program yang pernah dikendalikan oleh Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Antara tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh cawangan ini ialah:

1. Mengendalikan program-program kenegaraan di Daerah Temburong seperti:

- Taklimat Kenegaraan di sekolah-sekolah,
- Program Rakan Remaja Penerangan di sekolah-sekolah,
- Pertandingan Koir Lagu Patriotik Antara Mukim sempena sambutan Hari Kebangsaan,
- Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Hari Kebangsaan,
- Pentarama Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

2. Mengendalikan program-program kemasyarakatan di Daerah Temburong:

- Program Sua Muka bagi kampung-kampung,
- Program Muzakarah bagi kampung-kampung,
- Program Masyarakat Bermaklumat bagi kampung-kampung,
- Program Awasi Anak Kitani bagi mukim-mukim.

3. Mengedarkan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan seperti:

- Potret wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri,
- Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei di beberapa lokasi,
- Mengemas kini bahan-bahan terbitan yang ada di Sudut Penerangan di beberapa lokasi,
- Kalendar, Warta Penerangan dan poster-poster



SALAH seorang kakitangan ketika membuat pemeriksaan ke atas poster yang dilekatkan berada dalam keadaan yang sempurna.



ANTARA kemudahan yang terdapat di Cawangan Penerangan Daerah Temburong (atas).

Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (sambungan)

4. Menjual buku-buku terbitan Jabatan Penerangan seperti:

- Himpunan Titah,
- Himpunan Sabda,
- Kompilasi Sabda Anakanda,
- Brunei Darussalam Negaraku,
- Buku Daerah-daerah.

5. Menyediakan Perkhidmatan Pembesar Suara (PA System):

Perkhidmatan ini diberikan untuk kegunaan acara-acara rasmi terutama yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan selain NGO.

6. Perpustakaan:

Orang ramai dialu-alukan untuk menggunakan Perpustakaan Cawangan. Antara bahan-bahan yang

terdapat di perpustakaan ini ialah bahan-bahan terbitan jabatan seperti koleksi Pelita Brunei, Titah-titah dan Sabda.

7. Selaku Pegawai Penghubung Media (MRO):

Bagi acara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

8. Selaku Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC).

Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak yang berkepentingan dalam menangani bencana di Daerah Temburong.


9. Selaku Ahli Jawatankuasa Bagi Program-program Daerah, Acara-acara Perayaan dan Hari-hari Kebesaran Islam Daerah Temburong.

Kaedah KKC bantu tingkatkan kualiti perkhidmatan permohonan gambar negatif filem

Oleh: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Unit Fotografi

UNIT Fotografi, Jabatan Penerangan merupakan sebuah unit yang memainkan peranan penting dalam merakamkan gambar-gambar detik-detik bersejarah sama ada berbentuk kenegaraan atau yang melibatkan keberangkatan kerabat-kerabat diraja, hal ehwal semasa dan sukan yang mana digunakan untuk kegunaan penerbitan akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei serta pelbagai terbitan, rujukan dan simpanan peribadi.

Gambar-gambar tersebut bukan sahaja untuk kegunaan Jabatan Penerangan malahan juga digunakan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk media tempatan, pihak swasta dan orang ramai yang mana setakat ini diberikan secara percuma.



SALAH seorang kakitangan di Unit Fotografi ketika membuat pengimbasan ke atas negatif filem lama untuk dijadikan gambar-gambar digital.

Sejak ditubuhkan, unit ini menyimpan pelbagai koleksi gambar negatif filem yang diambil sekitar tahun 1980 hingga 2005 berjumlah 1,384,564 sepertimana data yang diperoleh dari Unit Fotografi.

Permohonan gambar-gambar juga tidak terhad kepada gambar-gambar dalam bentuk digital yang mula disimpan dalam koleksi Unit Fotografi sejak tahun 2000 malah permohonan dalam bentuk negatif filem turut diterima.

Permohonan gambar negatif filem selalunya akan mengambil masa dua minggu hingga sebulan untuk diproses sebelum diserahkan kepada pemohon.

Ini kerana negatif filem berkenaan belum diimbaskan ke dalam bentuk digital ataupun kaedah penyimpanannya tidak selaras yang menyebabkan sukar untuk dicari. Negatif filem tersebut juga ada yang terpaksa diimbaskan semula jika sekiranya dipohonkan oleh pihak yang lain.

Justeru itu, Unit Fotografi terpanggil untuk memperbaiki mutu perkhidmatan permohonan gambar khususnya dalam bentuk negatif filem agar ianya tidak memakan masa yang terlalu lama dalam penyediaannya dan memilih tahun 1992 sebagai projek pilot mereka memandangkan sepanjang tahun berkenaan berlakunya beberapa acara kenegaraan yang penting seperti Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menunaikan fardu haji dan lain-lain.

Bagi mencapai hasrat tersebut juga, Unit Fotografi telah menyertai Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Ke-21, 2018 dan menubuhkan kumpulan yang diberi nama INFOFOTO pada 7 September 2017 dan memilih tajuk projek 'Permohonan gambar negatif filem lambat diproses'.

Ahli-ahli kumpulan terdiri daripada Mohamad Azmi bin Awang Damit, Pegawai Foto selaku Pemudah Cara, Haji Ariffin bin Mohamad Noor/Morshidi, Penolong Pegawai Foto Tingkat I selaku Ketua Kumpulan, Hatral Hazmi bin Haji Abdul Hamid, Penolong Pegawai Foto Tingkat II selaku Penolong Ketua Kumpulan, Jurainah binti Haji Jait, Juruteknik Foto Tingkat I selaku Setiausaha dan selaku ahli terdiri daripada Hajah Marhani binti Haji Abdul Rahman, Juruteknik Foto Tingkat I, Nurul Qaidah binti Ahmad, Juruteknik Foto Tingkat II.

Dengan kerjasama Unit IT dan Media Baharu setiap komputer yang digunakan oleh Juruteknik Foto dalam memproses gambar-gambar telah dimuatkan dengan perisian anti virus bagi mengelakkan gambar digital berkenaan rosak (*corrupted*) dan kehilangan data-data.

Bagi mencapai objektif KKC iaitu ke arah pengurusan gambar-gambar yang lebih bersistematik dan teratur, cepat dan tepat, setiap Juruteknik Foto dikehendaki menyelesaikan sebanyak 200 imbasan negatif filem setiap hari bekerja dengan menggunakan enam mesin pengimbas dan tugas ini dijadikan sebagai *Key Performance Indicator (KPI)* yang dipantau oleh Unit Penyelidikan dan Perkembangan setiap tiga bulan melalui e-mel dan pemeriksaan visual di samping dipantau sendiri oleh Ketua Unit Fotografi.

Secara keseluruhannya Kumpulan INFOFOTO telah berjaya menyelesaikan masalah utama di tempat kerja dengan mengumpulkan data-data yang diperlukan dan seterusnya menggunakan kaedah KKC dalam melaksanakan penyelesaian secara teratur dan berkesan.

Pelanggan yang memohon gambar khususnya dalam bentuk negatif filem kini tidak lagi perlu menunggu terlalu lama untuk mendapatkan gambar yang dipohonkan dan dapat meningkatkan kualiti TPOR permohonan gambar.

Setakat ini, dari 1,398,571 keping negatif filem sehingga kini mereka berjaya melaksanakan



Kaedah KKC bantu tingkatkan kualiti perkhidmatan permohonan gambar negative filem (sambungan)

pengimbasan sejumlah 414,007 bagi Persembahan Terbaik. negatif filem.

Projek bertajuk 'Permohonan gambar negatif filem lambat diproses, berjaya menobatkan kumpulan INFOFOTO, di tempat kedua Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan Ke-21, 2018 anjuran Institut Perkhidmatan Awam dengan menerima wang tunai BND4,000 berserta piala iringan dan sijil. Di samping itu juga INFOFOTO meraih tempat ketiga

Penggunaan kaedah KKC adalah salah satu kaedah dalam memantapkan sesebuah organisasi untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan dan menggalakkan inovasi di dalam budaya kerja selaras dengan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan

Awam Kali Ke-25 tahun di mana baginda meletakkan inovasi sebagai satu agenda penting dalam transformasi Perkhidmatan Awam (PA), di mana semua agensi kerajaan perlu mengilhamkan lebih banyak pemikiran kreatif dan idea-idea baharu yang melangkaui kebiasaan yang akan dapat menyumbang signifikan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Tiga tahun Aplikasi InfoDeptBN

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



MUKA depan aplikasi tersebut pada masa kini (kiri) dan yang pertama, tiga tahun lalu (kanan).

Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Dengan pelancaran tersebut Jabatan Penerangan melakar satu lagi sejarah yang menyatakan bahawa jabatan ini terus bergerak maju ke hadapan dalam bersaing di dunia tanpa sempadan bagi penyebaran maklumat yang berkesan dengan menggunakan strategi media baharu.

Penggunaan Mobile App InfoDeptBN itu dihasratkan sebagai *One-Stop Information* yang akan dapat menjelaskan dan membantu mengimbangi berita-berita yang kurang tepat dan sebarang spekulasi mengenai Negara Brunei Darussalam di samping akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman.

APLIKASI Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDeptBN genap usianya tiga tahun pada bulan ini selepas di lancarkan pada 9 Mei 2017 di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Pelancaran aplikasi tersebut dilaksanakan sempena

Sejak tiga tahun pelancarannya, aplikasi tersebut telah mengalami pembaikan serta perubahan mengikut keadaan semasa dengan pengemaskinian berita setiap hari.

Sehingga bulan ini pengikut aplikasi tersebut di anggarkan melebihi 12 ribu.

Sistem Pengurusan Kakitangan Kerajaan Government Employee Management System (GEMS)

Oleh: Unit Penerbitan Melayu

SISTEM Pengurusan Kakitangan Kerajaan atau lebih dikenali GEMS merupakan salah satu sistem yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jabatan Penerangan selaku salah satu jentera Perkhidmatan Awam di negara ini secara automatik turut diberikan peranan dalam melakukan *Self-Service* di dalam GEMS ini.

Melalui sistem tersebut umpamanya memberikan berbagai kemudahan kepada setiap pegawai dan kakitangan untuk menggunakannya terutama bagi mengisi waktu kedatangan kerja dan pulang bekerja.

Dengan penggunaan *Self-Service*, sistem ini ia juga membolehkan pegawai dan kakitangan melakukan berbagai perkhidmatan seperti permohonan dibuat secara di dalam talian seperti permohonan cuti dan permohonan kerja.

Selain itu melalui sistem tersebut ia juga boleh digunakan bagi memberi kebenaran permohonan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan bawahan selain untuk memberi sokongan secara di dalam talian untuk pegawai dan kakitangan bawahan, pengesahan dan penyemakan status permohonan atau sokongan serta penelitian dan pengemaskinian maklumat peribadi.

Dengan penggunaan sistem ini setiap transaksi di dalam talian akan mengambil masa yang lebih pendek serta jimat berbanding transaksi yang dilakukan secara manual.



SALAH seorang kakitangan Jabatan Penerangan ketika memasuki sistem GEMS yang memerlukan kata kekunci rahsia peribadi.



GEMS Login	
User ID: <input type="text"/>	Mengalami masalah log masuk ke GEMS? Sila hubungi GEMS Helpdesk Tel: +673 238 2407/+673 238 1841 +673 8769407 E-mel: gems.helpdesk@psd.gov.bn Waktu bekerja: Isnin - Khamis & Sabtu 7:45 pagi - 12:15 tgh hari 1:30 ptg - 4:30 ptg
Password: <input type="text"/>	
Forgot your password?	
<input type="button" value="Sign In"/>	<input type="button" value="Attendance"/>



SISTEM Pengurusan Kakitangan Kerajaan (GEMS) yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Papan KENYATAAN

Oleh: Unit Penerbitan Melayu



ANTARA poster-poster yang dilekatkan pada papan tersebut.



PAPAN Kenyataan dan Papan Aktiviti Jabatan Penerangan merupakan salah satu kemudahan bagi pegawai dan kakitangan serta orang ramai yang datang ke Jabatan Penerangan untuk mengetahui paparan maklumat dan berita termasuk aktiviti-aktiviti jabatan.

Kedua-dua papan tersebut merupakan satu kemudahan serta kelengkapan bagi jabatan membuat sebaran dan makluman kepada pegawai dan kakitangan selain penyebaran melalui dalam talian bagi tujuan-tujuan tertentu.

Selain kedua-dua papan tersebut turut dipamerkan ialah poster-poster promosi yang bukan sahaja terbitan dari Jabatan Penerangan tetapi juga dari jabatan-jabatan yang lain.

Biasanya papan-papan ini di letakkan di tempat laluan utama yang biasa dan mudah terlihat oleh setiap pekerja.



ANTARA Surat Keliling, Minit Pemberitahuan dan Surat Pemberitahuan yang dilekatkan pada Papan Kenyataan (atas sekali) dan gambar (atas) merupakan potongan akhbar Pelita Brunei mengenai aktiviti-aktiviti Jabatan Penerangan.

Bagi Papan Kenyataan ia memuatkan seperti Surat Pemberitahuan, Surat Keliling, Minit Pemberitahuan serta Minit Keliling.

Manakala Papan Aktiviti Jabatan Penerangan memaparkan kegiatan serta aktiviti-aktiviti yang di

jalankan oleh Jabatan Penerangan. Untuk meningkatkan lagi fungsi Papan-papan Kenyataan tersebut ianya perlu dijaga serta berada dalam keadaan yang baik untuk meningkatkan fungsi serta peranannya.



جوالن بوكو تربيتن جابتن قنرغن

DAPATKAN SEKARANG!

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

HIMPUNAN TITAH



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00

HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00

HALUAN



Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015	\$10.00
2016	\$12.50
2017	\$8.50

BRUNEI TODAY



Edisi	Harga
Sept 2017 - Jubli Emas	\$3.50
Jun 2018	\$2.50
September 2018	\$2.50
Disember 2018	\$2.50
Mac 2019	\$2.50

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00



Harga \$3.50

KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016



Harga \$4.00

BRUNEI-MUARA DISTRICT



Harga \$3.50

BELAIT DISTRICT



TUTONG DISTRICT



TEMBURONG DISTRICT

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

CAWANGAN DAERAH TEMBURONG
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT
PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**